

Jauhi salah guna kuasa — PM

UM 3 JUL 2001
PUTRAJAYA 2 Julai — Semua kakitangan awam terutama pegawai tinggi kerajaan perlu menyemai sikap untuk menjauhi rasuah dan penyalahgunaan kuasa kerana mereka adalah pemegang maruah negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apabila seseorang itu menjawat jawatan yang tinggi di dalam sesebuah jabatan, beliau tidak harus menyalahgunakan kuasa yang ada pada dirinya kerana ini akan menjatuhkan maruah kerajaan dan dirinya sendiri.

Menurutnya, seseorang yang mengamalkan rasuah dan menyalahgunakan kuasa akan merasai penghinaan dari masyarakat lebih-lebih lagi ketika bersara.

“Hindarkan diri daripada mengambil rasuah kerana dengan menjauhan diri daripada amalan ini Allah akan memberikan balasan yang baik kepada negara sama ada dalam bentuk kemakmuran, keharmonian, keamanan dan kekayaan,” katanya dipetik oleh *Buletin Malaysia*, portal berita kelolaan Bahagian Keselamatan Negara.

Perdana Menteri berkata demikian pada perhimpunan bulanan bersama kakitangan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Putra di sini, hari ini.